

**Sulit**

Logo sekolah	Nama sekolah
--------------	--------------

**MODUL 1 2016****BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN 011**

Februari

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian.*
3. *Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*
4. *Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini.*

---

*Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak di Bahagian A dan 7 halaman bercetak di Bahagian B.*

**BAHAGIAN A**

[20 markah]

**Soalan 1 – 16***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*


- 1 “Terimalah hadiah daripada \_\_\_\_\_ yang tidak seberapa ini,” kata Laksamana kepada Sultan Mansor Syah.
- A beta
  - B patik
  - C hamba
  - D baginda
- 2 Encik Poh Leong, pemilik tapak semeian bunga itu memang pakar \_\_\_\_\_ pokok bunga pelbagai jenis dan warna.
- A menanam
  - B mengetut
  - C mencantas
  - D memangkas
- 3 “ Saya tidak bercadang untuk \_\_\_\_\_ di luar negara. Saya ingin berkhidmat di tanah air sendiri,” jelas Izwan.
- A menetap
  - B menginap
  - C menghuni
  - D menumpang

**Soalan 4** berdasarkan gambar di bawah.




- 4 Hanita \_\_\_\_\_ kukunya di anjung rumah pada hari Jumaat.
- A mengerit
  - B mengetip
  - C mengetik
  - D menggigit

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Mak cik Ani duduk \_\_\_\_\_ di atas tikar di dalam biliknya.
- A bersila
  - B berlunjur
  - C bersimpuh
  - D bercangkung
- 6 Hilmi berjalan dengan \_\_\_\_\_ apabila hujan mulai turun.
- A laju
  - B deras
  - C pantas
  - D kencang
- 7 Beberapa \_\_\_\_\_ perca kain yang tidak diperlukan lagi dimasukkan ke dalam tong sampah.
- A cebis
  - B bidang
  - C rincih
  - D gulung

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Encik Azhar memikul \_\_\_\_\_ kayu api untuk dijual di bandar.
- A sepuntung
  - B sebatang
  - C seberkas
  - D sekeping
- 9 Ikmal meluahkan \_\_\_\_\_ untuk memiliki sebuah komputer kepada ibunya.
- A ada hati
  - B isi hati
  - C ambil hati
  - D jantung hati
- 10 Penduduk di taman perumahan itu \_\_\_\_\_ kerana mereka saling membantu apabila melakukan sesuatu pekerjaan.
- A seperti cincin dengan permata
  - B seperti bulan dengan matahari
  - C seperti aur dengan tebing
  - D seperti isi dengan kuku
- 11 Puan Sara mendapat kad undangan ke majlis perkahwinan \_\_\_\_\_ sahabat lamanya \_\_\_\_\_ minggu lepas.
- A daripada ... pada
  - B daripada ... di
  - C dari ... pada
  - D dari ... di

- 12 Encik Ismail telah \_\_\_\_\_ Pingat Jasa Kebaktian sempena sambutan Hari Keputeraan Sultan Selangor.
- A dianugerahi
  - B dianugerahkan
  - C menganugerahi
  - D menganugerahkan
- 13 Pemandangan di situ kelihatan indah kerana jalan di sepanjang laluan itu \_\_\_\_\_ pohon ru .
- A dipagari
  - B pemagaran
  - C berpagarkan
  - D memagarkan

**Soalan 14 dan 15**

*Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- 14
- I Jalan utama ke kampung itu ditutup akibat banjir.
  - II Air yang tidak boleh jalan menyebabkan banjir berlaku.
  - III Kita terpaksa mencari jalan untuk mengatasi masalah itu.
  - IV Kenderaan perlu melalui jalan lain untuk meneruskan perjalanan.
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D I, III dan IV sahaja
- 15
- I Mata pencarian nelayan itu terjejas apabila tiba musim tengkujuh.
  - II Penduduk kampung telah menemukan mata tangga di kaki bukit itu.
  - III Nilai mata wang berubah-ubah mengikut pasaran semasa.
  - IV Mata pena lebih tajam daripada mata pedang.
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D I, III dan IV sahaja

## Soalan 16 – 20

Baca iklan di bawah. Kemudian jawab soalan yang berikut.

**TEMUDUGA TERBUKA**

**SEJATI MALAYSIAN SDN BHD**

Kami merupakan sebuah syarikat pembuatan alat-alat elektrik untuk pasaran antarabangsa. Sejalan dengan perkembangan syarikat, kami ingin mempelawa calon-calon yang layak untuk menghadiri temuduga terbuka bagi memenuhi kekosongan jawatan dalam syarikat kami .

**1. KERANI AM**

- ✧ Minima SPM
- ✧ Lulusan sekolah digalakkan memohon
- ✧ Boleh ,mengendalikan komputer dengan baik

**2. JURUTEKNIK**

- ✧ Mempunyai Sijil/Diploma Elektrik/Elektronik
- ✧ Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik
- ✧ Boleh bekerja mengikut syif

**3. PENYELIA STOR**

- ✧ Minima SPM
- ✧ Berpengalaman dalam penyeliaan
- ✧ Boleh bekerja mengikut syif

**4.OPERATER PENGELUARAN**

- ✧ Minima SPM
- ✧ Boleh bekerja syif

**5. PEKERJA AM**

- ✧ Minima PMR
- ✧ Mempunyai pengalaman bekerja selama setahun
- ✧ Boleh bekerja syif

**MASA : ISNIN - KHAMIS (10.30 - 2,00 PETANG)**

**TEMPAT: NO. 8, Jalan Setia 9, Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Muar, Johor**

**TEL : 069754432**

**16** Mengapakah jawatan kerani am memerlukan para calon pandai mengendalikan komputer?

- A** Perlu melakukan kerja-kerja pengeluaran
- B** Terlibat dalam kerja-kerja menaip surat
- C** Mengendalikan temuduga
- D** Urusan pembayaran gaji

- 17 Antara jawatan yang ditawarkan, yang manakah tidak memerlukan pekerjaanya bekerja mengikut syif?
- A Kerani Am
  - B Juruteknik
  - C Pekerja Am
  - D Operater Pengeluaran
- 18 Penyataan yang manakah tidak benar tentang iklan di atas.
- A Para calon boleh datang untuk temuduga pada setiap hari.
  - B Syarikat Sejati terletak di Taman Perindustrian Tanjung Agas.
  - C Calon untuk jawatan juruteknik perlu fasih berbahasa Inggeris.
  - D Jawatan pekerja am memerlukan pekerjaanya bekerja mengikut syif.
- 19 Farhana mempunyai sijil SPM dan pernah bekerja di sebuah syarikat lain tetapi tidak mempunyai kemahiran komputer. Apakah jawatan yang sesuai dipohon oleh Farhana?
- A Kerani Am
  - B Pekerja Am
  - C Juruteknik
  - D Penyelia
- 20 Apakah maksud 'temu duga terbuka'?
- A Temu duga untuk calon terpilih sahaja.
  - B Calon perlu menduduki ujian sebelum temu duga.
  - C Temu duga dijalankan hanya pada hujung minggu.
  - D Calon boleh datang ke tempat yang diiklankan untuk temu duga.